

0672

U B943 DEB  
MAHATHIR - BN

KUALA LUMPUR, 12 APRIL (BERNAMA) -- MESYUARAT PARA PEMIMPIN PARTI-PARTI KOMPONEN BARISAN NASIONAL (BN) HARI INI MENGHIDUPKAN SEMULA JENTERA BN DI PERINGKAT KAWASAN PARLIMEN DAN NEGERI SERTA JAWATANKUASA PENYEDIAAN MANIFESTO BERSAMA SEBAGAI PERSIAPAN AWAL MENGHADAPI PILIHAN RAYA UMUM AKAN DATANG.

PERDANA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMAD SELAKU Pengerusi BN BERKATA JAWATANKUASA BARISAN NASIONAL (BN) BAGI KAWASAN PARLIMEN DAN NEGERI ITU BERTUJUAN MENYELARASKAN KERJASAMA ANTARA PARTI-PARTI KOMPONEN MANAKALA PARTI-PARTI KOMPONEN DIMINTA MENGHANTAR WAKIL BAGI MENGANGGOTAI JAWATANKUASA PENYEDIAAN MANIFESTO ITU.

JAWATANKUASA PENYEDIAAN MANIFESTO ITU DIKETUAI OLEH SETIAUSAHA AGUNG BN ENCIK GHAFAR BABA.

KETIKA BERCAKAP PADA PERSIDANGAN AKHBAR SELEPAS MESYUARAT SELAMA KIRA-KIRA DUA JAM SETENGAH DI IBU PEJABAT UMNO DI SINI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA:

+MUNGKIN PIHAK AKHBAR AKAN MENGANGGAP INI SEBAGAI TANDA BAHAWA TIDAK LAMA LAGI KITA AKAN ADA PILIHAN RAYA. SAYA INGIN BERITAHU KEPADA TUAN-TUAN BAHAWA IA TIDAK LAMA LAGILAH. SECARA PERBANDINGAN (TEMPOH) SATU SETENGAH TAHUN TIDAKLAH LAMA BERBANDING DENGAN 100 TAHUN.+ -- LAGI.

1314MST 12 04 90

D678

U B946 DEB  
MAHATHIR - BN 2 KUALA LUMPUR

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA PARTI-PARTI KOMPONEN ITU BERSETUJU AGAR KONSEP KERJASAMA ANTARA PARTI KOMPONEN YANG MEWAKILI PELBAGAI KAUM SEJAK MERDEKA HENDAKLAH DIPERTAHANKAN KERANA HANYA BN YANG DAPAT MENJAMIN KESTABILAN NEGARA.

+KAMI MEMBERI PENEKANAN SEMULA KEPADA SOAL INI KERANA KERJASAMA INILAH YANG MENYEBABKAN NEGARA STABIL DAN BEROLEH KEMAJUAN DALAM PEMBANGUNAN SEJAK KEMERDEKAAN,+ KATA BELIAU.

BELIAU MENAMBAH KATA, PARA PEMIMPIN BN MENYAMBUT BAIK KENYATAAN PARTI GERAKAN DAN MCA BARU-BARU INI UNTUK BEKERJASAMA DI PULAU PINANG BAGI MEMASTIKAN KEJAYAAN BN PADA PILIHAN RAYA UMUM KELAK.

KATANYA, PARA PEMIMPIN PARTI JUGA BERSETUJU NISBAH PEMBAHAGIAN KERUSI ANTARA PARTI TIDAK AKAN DIUBAH MANAKALA PERTUKARAN KERUSI ANTARA PARTI BOLEH DIBUAT MENGIKUT PERSETUJUAN BERSAMA.

DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, WAKIL-WAKIL PARTI KOMPONEN JUGA MEMBANGKITKAN BEBERAPA ISU TERTENTU SEMASA MESYUARAT ITU.

BAGAIMANAPUN BELIAU ENGGAN MENYATAKAN ISU ITU. -- LAGI.  
1329MST 12 04 90

U B949 DEB  
MAHATHIR - BN 3 KUALA LUMPUR

KATANYA, SEBENARNYA TIDAK ADA ISU YANG BOLEH DIGUNAKAN OLEH PARTI PEMBANGKANG MELAINKAN ISU YANG SENGAJA DICIPTA OLEH PEMBANGKANG UNTUK KEPENTINGAN SENDIRI.

BAGAIMANAPUN, KATA BELIAU, BN YAKIN DAPAT MENANGKIS SEGALA ISU YANG BAKAL DIGUNAKAN OLEH PARTI-PARTI PEMBANGKANG SEMASA PILIHAN RAYA.

MENGENAI TEMA MANIFESTO BN, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA IA BELUM DITENTUKAN LAGI DAN TERPULANG KEPADA ENCIK GHAFAR UNTUK MENYEDIAKAN DRAFNYA.

APABILA DITANYA MENGENAI PERANAN JAWATANKUASA BN DI KAWASAN PARLIMEN DAN NEGERI, ENCIK GHAFAR PULA MENYATAKAN IA BERTUJUAN MEMASTIKAN PARTI-PARTI DALAM BN MENJALANKAN KEMPEN SECARA BERSAMA DAN BUKANNYA BERASINGAN DENGAN HANYA MENUMPUKAN KEPADA KAUM TERTENTU SAHAJA.

KATANYA, SUATU KETIKA DAHULU, KEMPEN DIJALANKAN SECARA BERASINGAN, MISALNYA UMNO MENUMPUKAN KEPADA MASYARAKAT MELAYU MANAKALA MCA KEPADA MASYARAKAT CINA SAHAJA.

MENGENAI KRITERIA PEMILIHAN CALON PILIHAN RAYA, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA, SEMUA PERKARA AKAN DIAMBIL KIRA DALAM PEMILIHAN ITU TERMASUK KRITERIA ASAS SEPERTI PRESTASI SESEORANG, TIDAK BANKRAP DAN SIUMAN. -- LAGI.

1411MST 12 04 90

U 8950 DEB  
MAHATHIR - BN 4 KUALA LUMPUR

KETIKA DITANYA SAMA ADA GOLONGAN TERTENTU YANG TERLIBAT DALAM KONTROVERSI SKANDAL PITA VIDEO LUCAH AKAN DIPILIH MENJADI CALON PILIHAN RAYA KELAK, DATUK SERI DR MAHATHIR BERTANYA BALIK: +SIAPA DIA YANG TERLIBAT DALAM SKANDAL VIDEO ITU?+

APABILA PEMBERITA BERKENAAN MENJAWAB +JIKALAU ADA+, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: +KITA TIDAK AKAN MENIMBANG ORANG YANG MENGUSAHA, MERANCANG DAN MENCURI PITA VIDEO UNTUK KEPENTINGAN POLITIK MEREKA. ORANG MAÇAM ITU KITA TIDAK AKAN TIMBANG UNTUK JADI CALON KITA+.

APABILA DITANYA LAGI BAGAIMANAKAH HALNYA DENGAN ORANG YANG BERLAKON DALAM PITA VIDEO ITU, BELIAU BERKATA: +YANG BERLAKON KITA TENGOKLAH, KALAU DIA BERLAKON BETUL-BETUL. KALAU ORANG LAIN, MANA KITA TAHU... KADANG-KADANG RUPA SEMACAM. PELANDOK DUA SERUPA+.

KEPADA PERTANYAAN SAMA ADA KERAJAAN AKAN MENIMBANG UNTUK MEMBENARKAN RAPAT UMUM DIADAKAN PADA PILIHAN RAYA KALI INI, DATUK SERI DR MAHATHIR BERKATA: KERAJAAN BELUM MEMBUAT KAJIAN MENGENAINYA DAN TIDAK NAMPAK KEBAIKAN BAGI MEMBENARKAN RAPAT UMUM.

BAGAIMANAPUN, KATANYA, KERAJAAN SEDIA MENIMBANGNYA JIKA POLIS DAPAT MEMBERI JAMINAN BAHAWA RAPAT UMUM ITU TIDAK AKAN MEMBAWA KEPADA RUSUHAN ATAU MASALAH LAIN. -- LAGI.  
1418MST 12 04 90

D696

U B951 DEB  
MAHATHIR - BN 5 KUALA LUMPUR

BELIAU MEMBERI CONTOH KEJADIAN SEMASA PILIHAN RAYA KECIL DEWAN UNDANGAN NEGERI KEDAH KAWASAN PANTAI MERDEKA BARU-BARU INI APABILA KEADAAN MENJADI TEGANG KERANA PARTI LAWAN CUBA BERTINDAK SENDIRI TANPA MENGIKUT UNDANG-UNDANG.

KATANYA, SEMASA PILIHAN RAYA KECIL ITU, ADA PENYOKONG PARTI LAWAN MENANGKAP SENDIRI PENYOKONG UMNO YANG KONONNYA TELAH MELAKUKAN KESALAHAN TANPA MELAPORKAN PERKARA ITU KEPADA POLIS.

DATUK SERI DR MAHATHIR JUGA MENCERITAKAN SATU KEJADIAN DI TERENGGANU APABILA SEORANG PENYOKONG PARTI LAWAN MENGELUARKAN PARANG SEMASA SEPASUKAN ANGGOTA POLIS HENDAK MENANGKAP SEORANG YANG DIDAPATI MELAKUKAN KESALAHAN.

MENURUTNYA, SEKIRANYA PERKARA SEPERTI ITU DIBIARKAN, PELBAGAI MASALAH BOLEH BERLAKU APABILA PILIHAN RAYA DIADAKAN.

BELIAU MENINGATKAN PARTI-PARTI PEMBANGKANG SUPAYA JANGAN MELIBATKAN ORANG SEUMPAMA ITU SEMASA PILIHAN RAYA KELAK KERANA IA BOLEH MENIMBULKAN MASALAH.

KETIKA DITANYA SAMA ADA MESYUARAT HARI INI MEMUTUSKAN MENGENAI LAMBANG YANG AKAN DIGUNAKAN OLEH USNO DAN PBS DI SABAH, PERDANA MENTERI BERKATA, PERKARA ITU SEDANG DIKAJI TERMASUK OLEH KEDUA-DUA PARTI DARI SABAH ITU.

PADA MESYUARAT ITU, SETIAP PARTI KOMPONEN BN DIWAKILI OLEH SEKURANG-KURANGNYA TIGA PEMIMPIN YANG TERDIRI DARIPADA PRESIDEN, TIMBALAN PRESIDEN DAN SETIAUSAHA AGUNG PARTI MASING-MASING. --  
BERNAMA.

1429MST 12 04 90